

KSN arah semua agensi kerajaan kemaskini Piagam Pelanggan

UM 3 - OCT 2003

PULAU PINANG 2 Okt. — Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan supaya lebih serius mengemaskinikan Piagam Pelanggan masing-masing bagi memastikan kualiti perkhidmatan awam mencapai tahap yang dikehendaki.

Beliau yang menyifatkan cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung perkara itu telah pun berjalan berkata, kerajaan mahu usaha mengemas kini piagam itu dibuat secara berterusan sehingga matlamatnya tercapai.

Dalam aspek ini, beliau menegur sesetengah agensi kerajaan yang dilihat agak lembab dalam mengemaskinikan Piagam Pelanggan masing-masing meskipun arahan untuk berbuat demikian telah dikeluarkan.

“Ya, memang betul Piagam Pelanggan yang berusia lebih 10 tahun ini perlu disemak semula dan kita telah pun menganjurkan kepada seluruh jabatan kerajaan supaya berbuat demikian.

“Dari segi maklum balas yang diterima memang ada (jabatan) yang dah buat (kemas kini) dan ada juga yang lewat tetapi ia perlu dilakukan secara berterusan dalam usaha memajukan perkhidmatan awam,” katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau mengulas cadangan Cuepacs semalam yang mencadangkan Piagam Pelanggan perkhidmatan awam disemak semula supaya selaras dengan kemajuan serta tuntutan kerja semasa.

Menurut Setiausaha Agungnya, Datuk Abdul Rahman Manan, semakan itu perlu dilakukan terutama dari aspek janji masa sesuatu perkara dan kerja dapat dilaksanakan.

Abdul Rahman berkata, kemajuan dalam bidang

perkhidmatan awam seperti penggunaan secara meluas sistem rangkaian komputer dan peralatan lain seperti mesin faksimile berkemampuan tinggi, kini telah dapat menjimatkan masa untuk menyiapkan sesuatu tugas berbanding beberapa tahun lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini meminta kakitangan awam mempertingkatkan kecekapan dan khidmat mereka kepada rakyat supaya ia menjadi yang terbaik di dunia.

Perdana Menteri berkata, sasaran itu boleh dicapai kerana di negara-negara maju, prestasi mereka semakin merosot kerana kakitangan awam tidak lagi memberi tumpuan kepada kepentingan orang ramai.